

30/09/1997

Segera selesai kes dagang

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin mengarahkan semua hakim supaya menyelesaikan kes sivil dan dagang dengan segera bagi memastikan pelabur asing yang terbabit dengan kes mahkamah tidak memindahkan pelaburannya ke negara lain.

Katanya, apabila seseorang hakim itu mengeluarkan perintah yang menghalang sesuatu projek, jika kes itu tidak selesai segera ia akan menjejaskan pelaburan mereka terbabit.

"Apabila perintah dikeluarkan, dan mahkamah tidak menyelesaikan pertikaian dengan segera, ia akan membawa kepada penangguhan beberapa projek dan memberi kesan kepada mereka terbabit.

"Penangguhan itu bukan saja tidak dapat diterima oleh masyarakat perdagangan, malah ia akan menjadikan kos sesuatu projek meningkat. Pelabur yang mendapati kes mereka tidak boleh diselesaikan akan memindahkan pelaburan mereka ke negara lain," katanya berucap pada majlis angkat sumpah pelantikan dua hakim Mahkamah Tinggi, di sini hari ini.

Datuk Nik Hashim Nik Abdul Rahmah, 54 dan Datuk K L Rekhraj, 61 dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi berkuatkuasa pada 1 Oktober ini.

Mohd Eusoff berkata, hakim perlu mengubah sikap mereka untuk membantu Kerajaan memajukan negara dan mencapai Wawasan 2020 dengan menyelesaikan kes dengan segera.

Katanya, peguam juga patut dipertanggungjawab ke atas kelewatan kes kerana gagal menjalankan tugas memberikan nasihat yang betul kepada anak guam mereka.

Menurutnya, peguam perlu mengkaji kes terlebih dulu sebelum bertindak memfailkannya ke mahkamah kerana adalah lebih baik jika kes itu berjaya diselesaikan di luar mahkamah.

Mohd Eusoff berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengambil berat di atas kelewatan menyelesaikan kes yang dibawa ke mahkamah.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan hakim supaya membuat dan menulis keputusan dengan segera kerana ketika itu fakta serta hujah yang dikemukakan oleh pihak terbabit masih dalam ingatan mereka.

(END)